

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[SEGAMBUT]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendirian terbaharu Kementerian bagi menangani masalah kemasukan pekerja asing terutamanya dalam sektor domestik seperti pembantu rumah di dalam era baharu pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini, kemasukan pekerja asing dan pekhidmat domestik asing telah dibekukan susulan daripada penularan pandemik COVID-19. Pembekuan kemasukan ini akan berterusan tertakluk kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara mengambil kira kawalan penularan pandemik ini.

2. Kerajaan sedang mengkaji pendekatan-pendekatan yang akan dilaksanakan dalam era baharu pasca COVID-19, di mana libat urus akan diadakan bersama pemegang-pemegang taruh dari kalangan majikan dan pekerja. Mekanisme-mekanisme yang bersesuaian akan dibincang dan diperhalusi antaranya pewujudan Pusat Asuhan Kanak-Kanak di premis majikan, penjenamaan semula bidang pekerjaan domestik disertakan dengan persijilan kemahiran dan sebagainya. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga mengalu-alukan Yang Berhormat dan setiap ahli perwakilan dalam Dewan Yang Mulia ini membantu Kementerian mencadangkan inisiatif-inisiatif yang berkesan berhubung perkara ini.

3. Kementerian Sumber Manusia juga akan turut berbincang dengan Kerajaan negara sumber dalam memastikan kemasukan pekhidmat domestik asing lebih berstruktur, dilengkapi dengan kemahiran dan mengikut SOP kesihatan yang telah ditetapkan. Ini bagi memastikan pekhidmat domestik yang masuk ke negara ini adalah berkualiti dan mampu menjalankan kerja-kerja berunsurkan *housekeeping* dan *assigned responsibilities* seperti menjaga orang tua, bayi dan Orang Kurang Upaya.

Sekian, terima kasih.